



## Jadual Pembacaan Khutbah Jumaat Siri 8/ 2024 (Bulan Ogos 2024)

Bil	Tajuk	Tarikh
1.	<b>Childfree: Antara Sinar Iman Dan Samar Keyakinan</b>	<b>2 Ogos 2024M/ 27 Muharram 1446H</b>
2.	<b>Fardu Yang Disisihkan</b>	<b>9 Ogos 2024M/ 4 Safar 1446H</b>
3.	<b>Taubat: Jalan Menuju Kejayaan</b>	<b>16 Ogos 2024M/ 11 Safar 1446H</b>
4.	<b><i>Scam</i>: Beringat Sebelum Kena</b>	<b>23 Ogos 2024M/ 18 Safar 1446H</b>
5.	<b>Kemerdekaan Diperjuang, Tanggungjawab Dipegang</b>	<b>30 Ogos 2024M/ 25 Safar 1446H</b>
<b>Khutbah Kedua</b>		

دببايآءى:



زكاة فولاو فينغ

دتربيتكن:



جابتن حال إحوال اكام اسلام فولاو فينغ

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. SS Prof Madya Dr. Mohd Sukki bin Othman  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)





# Taubat: Jalan Menuju Kejayaan

16 Ogos 2024M/ 11 Safar 1446H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ تَوْبَةً نَّصُوحًا ... ﴿٨﴾ سورة التحريم

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدِ الْأَمِينُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Di kesempatan yang penuh kemuliaan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dengan sebenar-benar takwa. Moga-moga rahmat dan kebaikan daripada-Nya akan sentiasa memayungi kehidupan kita di dunia yang sementara ini.

Khatib mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada di dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Sesuai dengan realiti dalam masyarakat kita pada masa kini, mimbar pada hari ini akan



membicarakan khutbah yang bertajuk “**Taubat: Jalan Menuju Kejayaan.**”

## **HADIRIN SEKALIAN,**

Mungkin ada sebahagian kita yang pernah terdetik: “Aku tidak ada dosa, maka tidak perlu bertaubat.”

Ingatlah bahawa Rasulullah ﷺ yang maksum tetap beristighfar dan bertaubat kepada Allah lebih daripada 70 kali malahan sampai 100 kali sehari semalam. Apatah lagi kita sebagai manusia biasa yang sememangnya pernah melakukan dosa dan kesalahan kepada Allah. Rasulullah ﷺ bersabda:

**يَا أَيُّهَا النَّاسُ تَوْبُوا إِلَى اللَّهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ فَإِنِّي أَتُوبُ فِي الْيَوْمِ مِائَةَ مَرَّةٍ**

Maksudnya: “*Wahai manusia bertaubatlah kamu kepada Allah dan mintalah ampun kepada-Nya, kerana sesungguhnya aku bertaubat dalam sehari sebanyak seratus kali.*”

﴿Hadis Riwayat Muslim﴾

## **KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,**

Sebanyak manapun dosa seorang itu, jangan sesekali berputus asa daripada rahmat Allah ﷻ. Allah akan mengampuni setiap dosa yang dilakukan oleh makhluk-Nya selagi mana taubat yang dilakukan memenuhi syarat-syaratnya. Bertaubatlah dengan taubat nasuha. Kata Ibnu Abbas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ yang bermaksud:



*“Taubat nasuha ialah sesal dengan hati atas dosa yang dilakukan, istighfar dengan lidah, buang perlakuan maksiat dengan tubuh badan dan berazam tidak kembali semula.”*

## **MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,**

Al-Imam An-Nawawi menyenaraikan tiga syarat taubat jika dosa itu terjadi antara hamba dengan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sahaja:

**Pertama:** Dia hendaklah berhenti daripada melakukan maksiat.

**Kedua:** Dia hendaklah menyesali perbuatan yang telah dilakukannya.

**Ketiga:** Dia berazam tidak akan mengulangi perbuatan itu selamanya.

Sekiranya dosa itu ada hubungan dengan manusia, taubatnya mesti memenuhi empat syarat iaitu tiga syarat yang khatib sebutkan tadi dan ditambah pula dengan menyelesaikan perkara-perkara yang ada hubungan dengan manusia. Misalnya jika melibatkan harta benda hendaklah mengembalikan harta tersebut kepada tuannya. Jika barang itu tidak ada ataupun telah habis, hendaklah dia minta dihalalkan. Sekiranya perkara itu berkaitan tuduhan palsu, hendaklah menyerah diri untuk dihukum atau memohon maaf.

## **KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,**

Sesungguhnya rahmat Allah amat luas, bukanlah bermakna kita perlu leka dan menangguhkan taubat dengan alasan esok masih ada. Kita tidak tahu mungkin sudah tiada esok untuk kita. Bertaubatlah segera sebelum nyawa sampai di kerongkong atau matahari telah terbit dari



barat. Hal ini seperti yang dijelaskan di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقْبَلُ تَوْبَةَ الْعَبْدِ مَا لَمْ يُغْرِغْهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah عَزَّ وَجَلَّ menerima taubat seseorang hamba selagi mana nyawanya tidak sampai ke kerongkong.”

﴿ Hadis Riwayat Ibnu Majah ﴾

## KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Dalam Al-Quran disebutkan ciri khas orang yang bertaubat dengan sebenar-benar taubat. Firman Allah di dalam surah al-Furqan ayat 71:

وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَإِنَّهُ يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ مَتَابًا ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Dan sesiapa yang bertaubat serta beramal soleh. Maka sesungguhnya (dengan itu) ia bertaubat kepada Tuhannya dengan sebenar-benar taubat.”

Oleh itu dapat difahami bahawa orang yang melakukan taubat nasuha adalah mereka yang mengisi hidupnya dengan kebaikan setelah bertaubat. Sabda Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

اتَّقِ اللَّهَ حَيْثُمَا كُنْتَ، وَاتَّبِعِ السَّيِّئَةَ الْحَسَنَةَ تَمَحُّهَا، وَخَالِقِ النَّاسَ بِخُلُقٍ حَسَنٍ

Maksudnya: “Bertakwalah kepada Allah di mana jua kamu berada. Tutupilah perbuatan dosa dengan amal kebaikan, kerana kebaikan itu



dapat menghapuskan kejahatan serta bergaullah sesama manusia dengan akhlak yang baik.” ﴿Hadis Riwayat At-Tirmizi﴾

## SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI,

Kesimpulan daripada apa disampaikan tadi adalah:

**Pertama:** Kita semua wajib bertaubat daripada setiap kesalahan yang dilakukan agar mendapat kejayaan di dunia dan di akhirat.

**Kedua:** Jangan berputus asa dari rahmat Allah kerana pintu taubat sentiasa terbuka selagi nyawa belum sampai di halkum dan matahari belum terbit dari sebelah barat.

**Ketiga:** Jauhkan diri daripada perkara yang boleh merangsang untuk melakukan perbuatan dosa dan maksiat dengan mempertingkatkan amalan soleh.

Firman Allah di dalam surah az-Zumar ayat 53:

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ  
جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ ﴿٥٣﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad); wahai hamba-hambaku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua yang Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِهَدْيِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ،  
أَقُولُ مَا سَمِعْتُمْ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ مِنْ كُلِّ ذَنْبٍ،  
فَأَسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.





## Khutbah Kedua

2024M/ 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَىٰ آلِهِ وَآحْسَانِهِ، وَالشُّكْرُ لَهُ عَلَىٰ تَوْفِيقِهِ وَامْتِنَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ تَعْظِيمًا لِشَانِهِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَىٰ رِضْوَانِهِ.  
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ، ثُمَّ اْعَلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ؛ فَقَالَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

﴿الأحزاب: 56﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدِ بْنِ الْبَشِيرِ النَّذِيرِ، وَالسَّرَاجِ الْمُنِيرِ،  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ آلِهِ وَصَحَابَتِهِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ  
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَعَنَّا مَعَهُمْ بِعَفْوِكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.



اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، اللَّهُمَّ ثَبِّتْ إِيمَانَهُمْ وَأَنْزِلِ السَّكِينَةَ فِي قُلُوبِهِمْ وَوَحِّدْ صُفُوفَهُمْ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ،

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang  
dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Khadijah Mohd Noor.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالرِّيَاءَ، وَالرَّبَا وَالرَّنَا وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحْنَ وَسُوءَ  
الْفِتَنِ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَنْ سَائِرِ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
عَامَّةً يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat  
melalui Zakat Pulau Pinang dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf  
Pulau Pinang.*

*Ya Allah! Jadikanlah kerja-kerja agihan zakat di Pulau Pinang ini  
sebagai suatu usaha yang berkesan bagi membela golongan asnaf  
sasaran. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,  
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam*



Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٥١﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْجَلِيلَ  
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٥٢﴾